

D235

R B687 BAH
MAHATHIR - RUMAH

CHANGLUN, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU TELAH MEMOHON PINJAMAN SEBANYAK \$500,000 DARIPADA KERAJAAN UNTUK MEMBINA SEBUAH RUMAH SENDIRI DI KAJANG, SELANGOR.

KATANYA, RUMAH YANG BAKAL DIDIRIKAN ITU TIDAKLAH BEGITU MAHAL TETAPI SEBALIKNYA CUKUP UNTUK KELUARGANYA YANG KECIL, YANG BOLEH TERUS MEREKA DIAMI SETELAH KETIADAANNYA KELAK.

RUMAH ITU MERUPAKAN KEDIAMANNYA YANG KEDUA SELAIN DARIPADA SEBUAH DI TITI GAJAH, DEKAT ALOR SETAR BERHARGA \$140,000, YANG DIBINYA DENGAN WANGNYA SENDIRI, YANG DIPEROLEHI SEBELUM MENYERTAI KERAJAAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU INGIN MENGUMUMKAN PEMBINAAN RUMAHNYA DI KAJANG MENERUSI PINJAMAN KERAJAAN SUPAYA TIDAK TIMBUL SEBARANG TUDUHAN RASUAH MENGENAINYA KELAK.

KETIKA BERCAKAP PADA PERHIMPUNAN BERSAMA RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLUN DI SINI, BELIAU BERKATA PIHAK PEMBANGKANG MEMANG SUKA MEMBUAT PELBAGAI DAKWAAN TERHADAPNYA, TERMASUKLAH TUDUHAN-TUDUHAN RASUAH.

SALAH SATU TUDUHAN ITU IALAH PERDANA MENTERI BANYAK MENGUMPUL WANG RASUAH DAN MENYIMPANNYA DALAM BANK DI SWITZERLAND, KATANYA, DAN MENEGASKAN BAHAWA TUDUHAN ITU ADALAH PALSU. -- LAGI

1326MST 21 09 90

R B688 BAH
MAHATHIR - RUMAH 2 CHANGLUN

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BERBANDING DENGAN RUMAH YANG AKAN DIDIRIKANNYA ITU, RUMAH PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, BERHAMPIRAN KELAB GOLF DIRAJA SELANGOR DI KUALA LUMPUR BOLEH DIUMPAMAKAN SEBAGAI +MAHLIGAI+.

BELIAU MENGANGGARKAN RUMAH TENGGU RAZALEIGH ITU BERHARGA ANTARA \$3 JUTA DAN \$4 JUTA DAN BERUPAYA MENAMPUNG MESYUARAT YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 250 ORANG.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA RUMAH TENGGU RAZALEIGH BERSEBELAHAN KELAB LUMBA KUDA DI KUALA LUMPUR, YANG DIBELINYA DENGAN HARGA \$1 JUTA SEMASA BELIAU MENGUASAI SYARIKAT MALAYSIA MINING CORPORATION (MMC), TELAH PUN DIJUAL DENGAN HARGA \$17 JUTA KEPADA SEORANG PEMBELI LUAR NEGERI.

YANG TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI OSMAN AROFF. -- BERNAMA

1351MST 21 09 90